



17-22 SEPTEMBER 2018  
KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE  
KUALA LUMPUR, MALAYSIA  
[www.cepsi2018kl.org](http://www.cepsi2018kl.org)



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2018/05/37 (HQ)

### 65 ANAK YATIM DIRAI PADA MAJLIS BERBUKA PUASA TNB

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** meraikan rakan korporat, warga kerja dan anak-anak yatim dalam Majlis Berbuka Puasa Peringkat Korporat yang diadakan di RHR Hotel @ UNITEN di sini hari ini.

Pada majlis ini, seramai 65 orang anak yatim berusia antara empat hingga 17 tahun dari Pertubuhan Kebajikan Islam Peribadi Mulia, Sungai Kantan, Kajang, Selangor menerima sumbangan ‘duit raya’ daripada TNB berjumlah RM150 seorang.

TNB turut memberi sumbangan kepada pusat jagaan berkenaan berjumlah RM3,000. Ia disampaikan oleh Pengurus TNB, Tan Sri Leo Moggie bersama isteri, Puan Sri Elizabeth Moggie dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd bersama isteri, Datin Seri Noor Afizah Ahmad Noor.

Hadir sama memeriahkan majlis adalah barisan Pengurusan Tertinggi TNB yang lain.

Selepas berbuka, majlis diteruskan dengan solat Maghrib, Isyak dan Tarawih secara berjemaah.

**Dikeluarkan di Kajang, Selangor pada 28 Mei 2018, jam 6.45 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris di talian 019-2617617 /  
Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 atau E-mel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*